

Praktis 3

Tema Buku Teks: Sukan dan Rekreasi

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Lengkapkan perenggan yang diberikan dengan ayat yang sesuai.

Seni Pertahanan Diri

Keselamatan diri

Menyihatkan badan

Tidak menyakiti orang lain



Rangka Karangan

Pendahuluan

Filem *Mat Kilau* – menarik minat remaja – mempelajari seni pertahanan diri

Isi 1

Bermanfaat – menyihatkan tubuh badan

Isi 2

Menjadi pelindung – menjaga keselamatan diri

Isi 3

Seni pertahanan diri – digunakan untuk melindungi diri – bukan untuk menyakiti orang lain

Penutup

Seni pertahanan diri setiap kaum – perlu dimartabatkan – menjadi kebanggaan

Karangan Cemerlang

- Konklusinya, seni pertahanan diri setiap kaum perlulah dimartabatkan agar menjadi kebanggaan dan tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.
- Walau bagaimanapun, kita diingatkan bahawa seni pertahanan diri hanya digunakan untuk melindungi diri.
- Seni pertahanan diri terdiri daripada silat, judo, tae kwan do dan pelbagai lagi.
- Malah dalam situasi tertentu seni ini mampu menjadi pelindung terhadap keselamatan diri.

Filem *Mat Kilau* telah menjadi fenomena sehingga menarik minat ramai remaja untuk mempelajari seni pertahanan diri.

(1) _____

Seni ini bermanfaat untuk menyihatkan tubuh badan seseorang. (2) _____

(3) _____

Jangan sesekali menggunakan seni ini untuk menyakiti orang lain.

(4) _____